



Memajukan petani kecil Melayu menerusi Pertanian Kontrak - Persepsi dan penilaian peserta projek dan komuniti tempatan

Amriah Buang¹, Mohd Azlan Abdullah¹, Rosmiza Mohd Zainol¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Amriah Buang (email: amriah@ukm.my)

Abstrak

Dasar Pertanian Negara (DPN 3, 1998-2010) Malaysia menetapkan Pertanian Kontrak (PK) sebagai program berimpak tinggi yang akan mampu melonjakkan pengkomersilan pertanian berskala kecil sekali gus mencergaskan pengeluaran makanan agro yang agak longlai di negara ini. Kertas ini membentangkan dapatan dari kajian yang baru dijalankan mengenai tanggapan dan penilaian 207 peserta Melayu projek PK yang dianjurkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan 200 responden dari kalangan komuniti tempatan di zon utara Semenanjung Malaysia. Analisis dapatan ini (1) peserta aktif projek PK anjuran FAMA ini hanya membentuk 65.7 peratus sahaja daripada keseluruhan bilangan petani kecil Melayu yang menyertai program ini, iaitu mereka yang secara konsisten membuat hantaran hasilan kepada FAMA jaminan harga FAMA meskipun harga ini di bawah paras harga pasaran semasa; (2) lebih separuh (51.2%) peserta projek PK merasa terperangkap dengan penetapan harga yang sentiasa rendah oleh FAMA, lebih-lebih lagi memandangkan kos pengurusan dan penyenggaraan tani yang sentiasa meningkat; (3) kegagalan para peserta projek umumnya untuk menepati peraturan ketat FAMA mengenai kualiti dan kuantiti hasil tani yang harus dihantar kepada FAMA yang sebenarnya mencerminkan kepincangan khidmat kembangan pada pihak agensi kerajaan sendiri; dan (4) majoriti yang agak besar (65%) dari kalangan komuniti tempatan yang menyatakan rasa tidak menyesal sama sekali kerana tidak menyertai projek PK anjuran FAMA lantaran tidak yakinnya mereka bahawa projek tersebut akan meningkatkan pendapatan mereka. Justru dapatlah dirumuskan bahawa oleh kerana program PK FAMA tidak begitu menunjukkan kejayaan maka ianya tidaklah dapat dianggap sebagai mekanisma yang berkesan untuk memajukan petani kecil Melayu.

Katakunci: harga pasaran, harga terjamin, khidmat kembangan, komuniti tempatan, pertanian kontrak, peserta projek

Advancing Malay small scale farmers through contract farming – Perception and evaluation of project participants and local communities

Abstract

Malaysia's third National Agriculture Policies (NAP 3, 1998-2010) stipulates Contract Farming (CF) as a high impact programme that will spearhead advanced commercialisation of small scale farming while revamping the rather anaemic agrofood production in the country. This paper presents the findings of a recent study on what 207 Malay participants of CF projects organised by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) and 200 respondents of the surrounding Malay local communities in northern Peninsular

Malaysia thought of the CF programme. It was found that (1) the number of active participants who consistently delivered produce to FAMA fell below that of the total number of the project participants i.e. at 65.7 per cent; (2) significantly, 51.2% of the CF project participants felt trapped by FAMA's statically low pricing, especially in the wake of ever rising maintenance costs; (3) participants generally were not able to comply with FAMA's strict rulings with regard to the quality and quantity of produces to be delivered, which in fact was reflective of the shortcomings on the part of government agencies' extension services themselves; and (4) a large majority (65%) of the local communities expressed their non-regrets about not participating in the FAMA's CF projects at all as they were not convinced that doing so would dramatically increase their income. It may be concluded, therefore, that the FAMA's CF programme has had very limited success and as such could not be regarded as an effective mechanism to further develop Malay small scale farmers.

Keywords: contract farming, extension services, guaranteed prices, local communities, market prices, project participants

Latar belakang

Kejadian krisis ekonomi 1997 telah membuat nilai ringgit merosot dan pengeluaran makanan untuk keperluan dalam negara berkurangan. Keadaan ini memaksa Perdana Menteri Mahathir mengkaji semula DPN 2 (1992-2010) dan mendokumenkan DPN 3 (1998-2010) untuk mencukupi aspek-aspek yang selama ini terabai dalam sektor pertanian negara. Antara aspek tersebut ialah peningkatan pengeluaran makanan, penerokaan punca pertumbuhan baru dalam sektor pertanian, pertautan dengan sektor lain, dan peningkatan daya saing sektor pertanian negara (Amriah, 2007).

Pada tahun 2003, Perdana Menteri Abdullah Badawi juga memperkenalkan elemen pertanian baru kepada petani, iaitu Pertanian adalah Perniagaan. Pertanian era baru tersebut bercirikan moden dan komersial, berteknologi tinggi, penggunaan bioteknologi dan teknologi maklumat serta melahirkan usahawan dan produk berkualiti untuk pasaran eksport. Agenda pertanian negara kini juga menetapkan pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi selain pembuatan dan perkhidmatan (Harizamrry, 2009).

Dalam rangka meningkatkan pengeluaran makanan dan pertumbuhan ekonomi, serta menjadikan pertanian sebagai perniagaan, maka program Pertanian Kontrak diperkenalkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana daripada segi pemasaran. Pertanian Kontrak FAMA juga merupakan salah satu Projek Impak Tinggi daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ianya merupakan program yang bersifat pengeluaran disamping dua program lain iaitu National Feedlot Centre dan juga Taman Kekal Pengeluaran Makanan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia 2009). Kerajaan Malaysia melihat Pertanian Kontrak sebagai imperatif kepada pembangunan semula sektor pertanian negara (Dato' Abd. Rahim H. Ahmad, 2006), dan sehubungan itu telah pun mengambil langkah awal untuk merangka undang-undang mengawal selia pertanian tersebut (Utusan Malaysia, 2006).

Objektif diadakan projek Pertanian Kontrak adalah untuk menjamin pasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluar. Mempertingkatkan buah-buahan dan sayur-sayuran melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersistematis. Memastikan hasil yang berkualiti dan mapan serta menepati kehendak pasaran melalui Amalan Pertanian Baik. Mempertingkatkan pemindahan teknologi di dalam rantai bekalan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2009).

Secara relatif, Pertanian Kontrak adalah perkara baru dalam kehidupan petani kecil Melayu di Malaysia. Kebanyakan mereka ini meragui kehadiran dan peranan sektor swasta dalam memajukan pertanian mereka (Amriah 2001; 2007). Namun penyertaan mereka di dalam Pertanian Kontrak bukan saja berpotensi memperkasakan semula sektor pertanian Malaysia, tetapi juga menjamin kelestarian mereka sendiri.

Kajian mengenai Pertanian Kontrak FAMA ini dilaksanakan di Zon Utara Semenanjung Malaysia pada awal tahun 2009. Pada awalnya, responden yang ditemui selidik seramai 94 petani peserta projek Pertanian Kontrak dan telah dimuatkan dalam Amriah dan Suryandari (2009). Selanjutnya, seramai 200 komuniti tani tempatan bukan peserta projek telah memberikan tanggapan dan penilaian terhadap projek Pertanian Kontrak dan telah dimuatkan dalam Suryandari dan Amriah (2009). Artikel ini bertujuan untuk memeriksa tanggapan dan jangkaan petani peserta projek dan komuniti tani bukan peserta projek terhadap projek Pertanian Kontrak FAMA dan implikasinya kepada keberlangsungan projek tersebut.

Data, kaedah dan kawasan kajian

Dalam kajian ini kaedah kerja lapangan digunakan di mana seramai 207 petani kecil Melayu yang terlibat dengan Pertanian Kontrak di temuselidik. Data primer yang diperolehi ialah mengenai tanggapan petani terhadap perlaksanaan projek Pertanian Kontrak FAMA dan masalah yang terpaksa mereka alami dalam menjalankan projek tersebut dengan menggunakan soalan-soalan terstruktur dan senarai semak yang seragam terdapat pada borang kaji selidik yang merujuk kepada kerja lapangan pada tahun 2009.

Kerja lapangan adalah di Zon Utara, Semenanjung Malaysia yang terdiri dari Negeri Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang. Pemilihan Zon Utara adalah kerana gabungan dua faktor penting: (1) Zon Utara merupakan jelapang pertanian bagi petani Melayu; dan (2) Zon Utara juga merupakan kawasan perindustrian. Gabungan dua faktor ini mewujudkan situasi yang sesuai bagi sebuah kajian yang bertujuan melihat link-up antara pertanian dan perusahaan asas-tani menerusi Pertanian Kontrak.

Hasil kajian dan perbincangan

Ciri-ciri umum responden

Mengikut Jadual 1 sebanyak 207 responden telah di temuselidik di mana sebahagian besar daripada mereka (68.60%) berasal dari Negeri Kedah. Responden yang berasal dari Negeri Pulau Pinang sebanyak 16.91%, manakala responden yang berasal dari Negeri Perlis dan Perak Utara masing-masing membentuk 8.21% dan 6.28%. Sebahagian besar responden (97.10%) berjantina laki-laki, sedangkan responden yang berjantina perempuan hanya 2.90% sahaja (Jadual 2).

Jadual 1. Bilangan responden mengikut negeri

| No | Negeri | Bilangan | Peratus |
|----|--------------|----------|---------|
| 1 | Kedah | 142 | 68.60 |
| 2 | Pulau Pinang | 35 | 16.91 |
| 3 | Perlis | 17 | 8.21 |
| 4 | Perak Utara | 13 | 6.28 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Jadual 2. Bilangan responden mengikut jantina

| No | Jantina | Bilangan | Peratus |
|----|-----------|----------|---------|
| 1 | Laki-laki | 201 | 97.10 |
| 2 | Perempuan | 6 | 2.90 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Sebahagian besar responden (97.10%) adalah ber kaum Melayu, sedangkan responden yang ber kaum Cina dan India dalam kadar yang kecil di mana masing-masing membentuk 2.42% dan 0.48% (Jadual 3). Mengikut Jadual 4. responden yang di temuselidik berumur 21 tahun sehingga lebih dari 60 tahun. Sebahagian besar responden (35.75%) adalah berumur lebih dari 50 tahun, sedangkan responden yang berumur muda iaitu mereka yang berumur 21 tahun sehingga 30 tahun dalam kadar yang kecil iaitu 11.59%. Keadaan ini mencerminkan hakikat bahawa peserta projek Pertanian Kontrak FAMA adalah berumur tua. Ini tentu sahaja mempunyai implikasi kepada produktifiti projek Pertanian Kontrak tersebut.

Jadual 3. Bilangan responden mengikut kaum

| No | Kaum | Bilangan | Peratus |
|----|--------|----------|---------|
| 1 | Melayu | 201 | 97.10 |
| 2 | Cina | 5 | 2.42 |
| 3 | India | 1 | 0.48 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Jadual 4. Bilangan responden mengikut umur

| No | Umur | Bilangan | Peratus |
|----|---------|----------|---------|
| 1 | < 21 | 0 | 0.00 |
| 2 | 21 – 30 | 24 | 11.59 |
| 3 | 31 – 40 | 46 | 22.22 |
| 4 | 41 – 50 | 63 | 30.43 |
| 5 | 51 - 60 | 48 | 23.19 |
| 6 | > 60 | 26 | 12.56 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Prestasi peserta individu Melayu yang terlibat dengan Pertanian Kontrak

Mengikut Jadual 5. sebahagian besar responden (48.31%) mempunyai keluasan tanah pertanian bagi menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA adalah lebih kurang dalam satu hektar sahaja. Manakala responden yang mempunyai keluasan tanah lebih besar dari 5 hektar hanya mencapai 8.22% sahaja. Sebahagian besar responden menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA secara berkelompok, di mana masing-masing mempunyai keluasan tanah pertanian lebih kurang satu hektar atau tiga relung. Tanah pertanian mereka pada umumnya adalah menyewa dengan kerajaan negeri. Bagaimanapun, wujud juga peserta Pertanian Kontrak yang mempunyai tanah hak milik kekal.

Jadual 5. Keluasan projek Pertanian Kontrak (hektar)

| No | Keluasan (hektar) | Bilangan | Peratus |
|----|-------------------|----------|---------|
| 1 | 0.00 – 1.00 | 100 | 48.31 |
| 2 | 1.01 – 2.00 | 28 | 13.53 |
| 3 | 2.01 – 3.00 | 52 | 25.12 |
| 4 | 3.01 – 4.00 | 5 | 2.42 |
| 5 | 4.01 – 5.00 | 5 | 2.42 |
| 6 | 5.01 – 6.00 | 2 | 0.97 |
| 7 | 6.01 – 7.00 | 2 | 0.97 |
| 8 | 7.01 – 8.00 | 0 | 0.00 |
| 9 | 8.01 – 9.00 | 1 | 0.48 |
| 10 | 9.01 – 10.00 | 3 | 1.45 |
| 11 | > 10.00 | 9 | 4.35 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

FAMA mensasarkan untuk mengusahakan kira-kira 40,000 hektar Pertanian Kontrak membabitkan 22,000 peserta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di bawah program Pertanian Kontrak. Program tersebut membabitkan 16 jenis sayuran dan 13 jenis buah-buahan seperti dalam Jadual 6 dan Jadual 7 (Mohd Ashraf, 2009). Bagaimanapun, mengikut Jadual 8, sebahagian besar responden (29.95%) menyertai projek Pertanian Kontrak bagi komoditi buah-buahan rambutan, mangga chok (20.77%) dan pisang berangan (14.98%). Petani yang menanam sayur-sayuran (cili, jagung, timun dan lain-lain) dan buah-buahan lainnya (nanas, betik, nangka dan lain-lain) dalam kadar yang kecil.

Jadual 6. Komoditi berpotensi 16 jenis sayur-sayuran

| No | Jenis sayur-sayuran | Spesifikasi sayur-sayuran |
|----|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Bendi | Hijau (5 segi), Putih (7 segi), 989 |
| 2 | Cili | Kulai, Batu Pahat, Minyak, Korean Hot (hybrid) (bawah pelindung hujan & serangga) |
| 3 | Halia Tua | Bentong |
| 4 | Jagung Manis | F1 522, 969 |
| 5 | Kacang Buncis | White Flower/putih |
| 6 | Kacang Panjang | 388, 328 |
| 7 | Keledek | VitAto, tempatan terpilih |
| 8 | Kobis | KY Cross (tanah tinggi), Tropicana |
| 9 | Labu Manis | Taiwan 767 |
| 10 | Petola | tempatan terpilih, F1 (Thailand-hijau/putih) |
| 11 | Roselle | UM-UKL 1 |
| 12 | Terung | 302, 312, 1540 |
| 13 | Timun | 118, 980 |
| 14 | Tomato | Holand:1039, 322, 263, Denmark 163, Baccarat (sistem fertigasi) |
| 15 | Ubi Kayu | kuning, putih, Sri Pontian |
| 16 | Serai | Paha ayam |

Sumber: Mohd Ashraf 2009

Jadual 7. Komoditi berpotensi 13 jenis buah-buahan

| No | Jenis buah-buahan | Spesifikasi buah-buahan |
|----|------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Belimbing | B 10, B 17 |
| 2 | Betik | Eksotika, Sekaki/Hong Kong, Subang/Batu |
| 3 | Buah Mata Naga/Dragon Fruit/Pitaya | Isi Merah, Isi Putih |
| 4 | Durian | D 24, D 101 |
| 5 | Jambu Batu | Thai Tanpa Biji, Kampucea GU 8, Klom Toon Klaow GU 9, Klom Sali GU 10 |
| 6 | Limau | Madu, Bali KK2/Melonmas, Bali PO 51/Sha Ting, Bali PO 52/Tambun |
| 7 | Mangga | Chokanan, Harumanis |
| 8 | Manggis | - |
| 9 | Nanas | Morris, Josaphine, N 36, Gandul |
| 10 | Nangka | J 31/NS 1, J 29 |
| 11 | Pisang | Berangan, Mas, Cavendish, Tanduk, Rastali |
| 12 | Rambutan | Anak Sekolah, Deli |
| 13 | Tembikai | Merah Tanpa Biji, Wangi, Golden Langkawi |

Sumber: Mohd Ashraf 2009

Jadual 8. Jenis tanaman projek Pertanian Kontrak

| No | Jenis tanaman projek Pertanian Kontrak | Bilangan | Peratus |
|-----------------------|---------------------------------------------------|----------|---------|
| <i>Sayur-sayuran:</i> | | | |
| 1 | Jagung | 24 | 11.59 |
| 2 | Sayur-sayuran (kacang buncis, kacang panjang dll) | 9 | 4.35 |
| 3 | Timun | 6 | 2.90 |
| 4 | Chili (fertigasi) | 5 | 2.42 |
| 5 | Roselle | 3 | 1.45 |
| 6 | Bendi | 3 | 1.45 |
| <i>Buah-buahan:</i> | | | |
| 1 | Mangga chok | 43 | 20.77 |
| 2 | Pisang berangan | 31 | 14.98 |
| 3 | Nanas morris | 6 | 2.90 |
| 4 | Betik | 6 | 2.90 |
| 5 | Nangka madu | 6 | 2.90 |
| 6 | Pitaya (organik) | 1 | 0.48 |
| 7 | Tembikai | 2 | 0.96 |
| 8 | Rambutan | 62 | 29.95 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Mengikut Jadual 9 sebahagian besar responden (33.33%) menyatakan bahawa sudah sejak lama mereka sememangnya sudah mempunyai ladang yang mereka tanam pokok mangga, rambutan, nangka dan lain-lain. Oleh itu mereka tiada kesukaran menyertai projek Pertanian Kontrak kerana mereka sudah mempunyai jenis tanaman yang boleh menyertai projek tersebut. Sebanyak 16.43% responden menyatakan bahawa mereka memilih tanaman seperti cili, pitaya dan roselle bagi menyertai projek Pertanian Kontrak kerana hasilnya mencecah tinggi. Manakala sebanyak 11.59% responden menyatakan bahawa mereka memilih menanam mangga kerana tanaman tersebut sesuai dengan cuaca di kawasan mereka. Alasan-alasan yang lain dalam kadar yang kecil misalnya, pulangan hasil ladang adalah cepat (misalnya tanaman jagung), penjagaan tanaman mudah, disyorkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan sebagainya.

Jadual 9. Alasan responden menanam tanaman projek Pertanian Kontrak FAMA

| No | Alasan menanam tanaman projek Pertanian Kontrak | Bilangan | Peratus |
|----|--------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | Pulangan cepat | 19 | 9.18 |
| 2 | Penjagaan tanaman mudah | 16 | 7.73 |
| 3 | Hasil mencecah tinggi | 34 | 16.43 |
| 4 | Disyorkan PPK, merupakan tanaman percontohan dan percubaan | 9 | 4.35 |
| 5 | Disyorkan Jabatan Pertanian | 9 | 4.35 |
| 6 | Sudah terbiasa menanam tanaman tersebut | 69 | 33.33 |
| 7 | Cuaca di kawasan responden sesuai dengan tanaman tersebut | 24 | 11.59 |
| 8 | Merupakan permintaan dari pemborong besar (Cina, India) dan kedai runcit | 9 | 4.35 |
| 9 | Pilihan pasaran FAMA | 5 | 2.42 |
| 10 | Buah boleh dipelbagaiakan | 4 | 1.93 |
| 11 | Mencuba menanam tanaman baru | 3 | 1.45 |
| 12 | Pulangan tinggi | 1 | 0.48 |
| 13 | Sebagai sumber ekonomi baru | 1 | 0.48 |
| 14 | Minat | 1 | 0.48 |
| 15 | Pasaran luas | 1 | 0.48 |
| 16 | Tidak menjawab (gagal menyertai projek) | 2 | 0.97 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Mengikut Jadual 10. sebahagian besar responden (65.70%) menyertai projek Pertanian Kontrak secara aktif. Ertinya, mereka selalu menjual hasil ladang kepada FAMA mengikut kontrak perjanjian mereka. Sebanyak 17.87% responden menyertai projek Pertanian Kontrak secara pasif di mana mereka hanya sekali sekala menjual hasil ladangnya kepada FAMA. Sebanyak 11.11% responden berhenti menyertai projek Pertanian Kontrak dan 5.31% responden gagal menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA.

Jadual 10. Keadaan penyertaan projek Pertanian Kontrak FAMA

| No | Keadaan penyertaan projek Pertanian Kontrak | Bilangan | Peratus |
|----|---------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | Menyertai projek Pertanian Kontrak (aktif) | 136 | 65.70 |
| 2 | Menyertai projek Pertanian Kontrak (pasif) | 37 | 17.87 |
| 3 | Berhenti menyertai projek Pertanian Kontrak | 23 | 11.11 |
| 4 | Gagal menyertai projek Pertanian Kontrak | 11 | 5.31 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Alasan yang diberikan oleh sebahagian besar responden (83.82%) apabila mereka menyertai projek Pertanian Kontrak secara aktif adalah bahawa FAMA menjamin pemasaran hasil ladang peserta, utamanya pada masa berlaku lambakan. Sebanyak 12.50% responden juga menyatakan bahawa FAMA menjamin pemasaran dan pembayaran. Malangnya, harga belian FAMA lebih rendah berbanding dengan harga pemborong luar. Bagaimanapun, keadaan ini tidak menghalang mereka bagi menyertai projek ini secara aktif. Mengikut mereka, jaminan pemasaran dan pembayaran adalah lebih penting berbanding dengan harga belian FAMA yang agak rendah daripada harga pasaran semasa. Oleh itu, mereka tidak terlalu risau terhadap harga belian FAMA yang agak lebih rendah daripada harga pemborong luar atau harga pasaran semasa (Jadual 11).

Jadual 11. Alasan-alasan yang diberikan responden apabila mereka menyertai projek Pertanian Kontrak secara aktif

| No | Alasan responden menyertai projek Pertanian Kontrak secara aktif | Bilangan | Peratus |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | FAMA menjamin pemasaran bila berlaku lambakan, meskipun harga belian FAMA agak rendah | 114 | 83.82 |
| 2 | FAMA menjamin pemasaran dan pembayaran meskipun harga agak rendah | 17 | 12.50 |
| 3 | Harga belian FAMA mengikut harga pasaran semasa | 5 | 3.68 |
| | Jumlah | 136 | 100.00 |

Mengikut responden yang menyertai projek secara pasif, harga belian FAMA adalah lebih rendah daripada harga pasaran semasa. Oleh itu responden lebih tertarik menjual hasil ladang kepada pemborong luar, menjual langsung ke pasar awam dan menjual kepada peniaga pasar malam dan sebagainya. Harga belian FAMA pada umumnya lebih rendah 20 hingga 30 sen bagi setiap kilogram daripada harga pemborong luar. Bagaimanapun, FAMA membeli hasil ladang petani dalam jumlah besar berbanding dengan pemborong, peniaga pasar malam dan sebagainya.

Sebahagian responden lainnya yang menyertai Pertanian Kontrak secara pasif juga menyatakan bahawa kualiti dan kuantiti hasil ladang mereka belum mencapai tahap kualiti dan kuantiti yang dikehendaki FAMA. Oleh itu mereka tidak boleh menjual kepada FAMA. Mengikut mereka, hasil ladang yang kurang mendatangkan hasil ini kerana kurangnya penjagaan ladang seperti tanaman tidak menjadi kerana diceroboh musuh (babu hutan, beruk, monyet) dan tanaman mengalami penyakit. Mereka juga menyatakan bahawa pembayaran FAMA mengalami kelewatan dan mereka juga sudah boleh membuat pemasaran sendiri dengan harga belian yang lebih menarik daripada

harga belian FAMA. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak meneruskan menjual hasil ladang kepada FAMA. Wujud juga responden yang menyatakan bahawa FAMA tidak mampu membeli seluruh hasil ladang mereka yang mencapai RM 30,000, di mana FAMA hanya mampu membeli RM 1,000 sahaja. Keadaan ini menyebabkan responden tidak meneruskan menjual hasil ladang mereka kepada FAMA dan menjual terus ke pasar tani (Amriah & Suryandari, 2009).

Sebanyak 11.11% responden berhenti menyertai projek Pertanian Kontrak. Ini kerana ladang mengalami gangguan seperti terkena penyakit, tanaman dirosak musuh (babu, monyet dan lain-lain), masalah banjir dan sebagainya. Keadaan tersebut menyebabkan ladang kurang mendatangkan hasil. Mereka terpaksa bertukar tanaman lain atau ternakan di mana pulangan mencecah tinggi. Walau bagaimanapun, tanaman dan ternakan gantian tersebut bukan merupakan tanaman dan ternakan projek Pertanian Kontrak FAMA seperti tanaman terung bulat dan ternakan keli. Hasil ladang responden juga mengalami persaingan dengan hasil tani dari Thailand. Keadaan ini menyebabkan FAMA membeli hasil ladang responden dengan harga rendah. Harga buah-buahan/sayur-sayuran dari Thailand lebih murah berbanding dengan harga hasil ladang responden. Buah-buahan atau sayur-sayuran dari Thailand sememangnya murah, tetapi kurang selamat bagi pengguna kerana kadar sisa racun yang tinggi.

Mengikut Jadual 10 didapati bahawa responden yang gagal menyertai projek Pertanian Kontrak dalam kadar yang kecil sahaja (5.31%). Beberapa alasan yang mereka nyatakan ialah bahawa tanaman tidak menjadi kerana mengalami penyakit dan diceroboh babi hutan. Keadaan ini boleh timbul kerana responden kurang menjaga ladang. Oleh itu tanaman mati dan tiada apa-apa hasil. Beberapa alasan lain yang responden nyatakan ialah bahawa pinjaman modal kepada FAMA tidak berjaya, tiada kelulusan sewa lot tanah daripada Kerajaan Negeri dan perkongsian bersama kawan sesama petani bagi menyertai projek ini tidak berjaya. Oleh itu mereka gagal menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA.

Mengikut Jadual 12 sebahagian besar responden (48.31%) merasa berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA. Sebanyak 39.13% responden menyatakan merasa tidak/kurang berpuas hati setelah menyertai projek ini, sedangkan responden yang tidak menjawab sebanyak 12.08%. Hanya seorang responden sahaja yang menyatakan bahawa penyertaannya dalam projek Pertanian Kontrak ini adalah biasa sahaja, dalam erti kata mereka tidak merasa tidak berpuas hati atau pun berpuas hati.

Jadual 12. Keadaan yang responden rasakan setelah menyertai projek Pertanian Kontrak

| No | Apakah responden merasa berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak? | Bilangan | Peratus |
|----|----------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | Berpuas hati | 100 | 48.31 |
| 2 | Tidak/kurang berpuas hati | 81 | 39.13 |
| 3 | Tidak menjawab (gagal menyertai projek/tidak pernah menjual kepada FAMA) | 25 | 12.08 |
| 4 | Biasa | 1 | 0.48 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Mengikut Jadual 13 sebahagian besar responden yang berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA mempunyai alasan bahawa mereka tiada masalah dengan pembelian hasil ladang oleh FAMA di mana FAMA menjamin pemasaran dan pembayaran hasil ladang responden (61.00%). Responden juga menyatakan bahawa FAMA pasti membeli hasil ladang responden meskipun di masa-masa berlaku lambakan (17.00%). Pada masa berlaku lambakan, harga belian FAMA agak rendah daripada pada masa tidak berlaku lambakan. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak menjadi masalah bagi petani. Mengikut mereka, aspek terpenting adalah jaminan belian daripada FAMA. Sebanyak 12.00% responden juga menyatakan bahawa harga belian FAMA adalah mengikut harga pasaran semasa. Oleh itu sebahagian besar hasil ladang mereka selalu dijual kepada FAMA.

Alasan-alasan responden lainnya dalam kadar yang kecil ialah: FAMA membeli hasil ladang responden untuk semua gred (2.00%), projek Pertanian Kontrak ini melibatkan beberapa agensi seperti FAMA, PPK, MARDI dan Jabatan Pertanian (2.00%), FAMA selalu melawat ladang dan memberi khidmat nasihat (1.00%), FAMA masih membeli pada masa kualiti hasil ladang merosot (1.00%) serta FAMA mampu menstabilkan harga (1.00%).

Jadual 13. Alasan-alasan yang diberikan responden apabila mereka merasa berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA

| No | Alasan responden merasa berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA | Bilangan | Peratus |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | Harga belian FAMA mengikut harga pasaran semasa | 12 | 12.00 |
| 2 | Bila berlaku lambakan, FAMA menjamin membeli hasil ladang responden | 17 | 17.00 |
| 3 | Tidak ada masalah dengan pengambilan FAMA di mana FAMA menjamin pemasaran dan pembayaran walaupun harga agak rendah | 61 | 61.00 |
| 4 | Harga FAMA mengikut harga pasaran dan FAMA membeli hasil ladang bagi semua gred | 2 | 2.00 |
| 5 | Semua agensi terlibat (FAMA, PPK, MARDI, Jabatan Pertanian) | 2 | 2.00 |
| 6 | FAMA selalu melawat ladang dan memberi khidmat nasihat | 1 | 1.00 |
| 7 | Masa kualiti buah merosot, FAMA masih mahu membeli | 1 | 1.00 |
| 8 | FAMA menstabilkan harga bukan seperti pemborong | 1 | 1.00 |
| 9 | Tiada menjawab | 3 | 3.00 |
| | Jumlah | 100 | 100.00 |

Sebanyak 48.31% responden sememangnya merasa berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA. Bagaimanapun, responden yang merasa tidak/kurang berpuas hati dan gagal menyertai projek tersebut dalam kadar yang tinggi juga, iaitu mencapai 51.21%. Mereka yang gagal menyertai projek ini kerana berbagai-bagai hal, misalnya tanaman tidak menjadi kerana terkena penyakit atau dirosak babi hutan, monyet dan beruk. Oleh itu hasil ladang mereka tidak boleh dijual kepada FAMA. Masalah lain, misalnya permohonan kredit modal kepada FAMA tidak berjaya. Oleh itu mereka tidak boleh menyertai projek Pertanian Kontrak ini.

Sebahagian besar responden yang merasa tidak atau kurang berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA mempunyai alasan bahawa harga belian FAMA selalu rendah, tidak seperti harga runcit yang naik turun (40.74%). Sebahagian responden lainnya (33.33%) menyatakan bahawa FAMA seperti memerangkap petani kerana kontrak berlaku setelah pokok berbuah. Mereka terpaksa bersetuju dengan FAMA yang bagi harga rendah. Projek ini tidak boleh meningkatkan pendapatan peserta kerana kos input juga meningkat tinggi. Alasan-alasan lainnya dalam kadar yang kecil ialah; masalah kualiti dan kuantiti hasil ladang yang tidak mencapai tahap kuantiti dan kualiti yang dikehendaki oleh FAMA. FAMA tidak mahu membeli hasil ladang yang kualitinya tidak seperti yang dikehendaki FAMA. Ladang juga kurang mendatangkan hasil akibat tanaman mengalami penyakit dan diceroboh musuh. Wujud juga masalah antara petani dengan pihak FAMA di mana mereka tidak sepaham pasal greding. Kemasukan hasil ladang dari Thailand dengan harga rendah juga menyebabkan responden kurang berpuas hati menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA kerana FAMA membeli hasil ladang responden dengan harga rendah juga (Jadual 14).

Jadual 14. Alasan-alasan yang diberikan responden apabila mereka merasa tidak atau kurang berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA

| No | Alasan responden merasa tidak/kurang berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak | Bilangan | Peratus |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | Harga belian FAMA sentiasa rendah (statik), sedangkan harga runcit naik turun | 33 | 40.74 |
| 2 | FAMA tidak mahu membeli buah-buahan yang kualitinya yang tidak sesuai dengan kehendak FAMA | 3 | 3.70 |
| 3 | FAMA seperti memerangkap petani, kontrak berlaku setelah pokok berbuah, responden terpaksa bersetuju dengan FAMA yang memberi harga rendah, sedangkan kos input meningkat tinggi | 27 | 33.33 |
| 4 | Ladang kurang mendatangkan hasil | 2 | 2.47 |
| 5 | FAMA tidak mampu membeli semua hasil ladang responden | 1 | 1.23 |
| 6 | FAMA tidak memberi bantuan | 1 | 1.23 |
| 7 | Tidak sesuai dengan perjanjian awal | 1 | 1.23 |
| 8 | FAMA tidak peka harga jualan daripada petani | 1 | 1.23 |
| 9 | FAMA tidak mahu membeli hasil ladang untuk semua gred | 1 | 1.23 |
| 10 | Tanaman diceroboh musuh (babi hutan, monyet) | 1 | 1.23 |
| 11 | Petani merasa dirugikan kerana FAMA kurang memperhatikan aspek kualiti hasil ladang | 1 | 1.23 |
| 12 | Harga hasil ladang responden merosot akibat persaingan dengan harga buah-buahan dari Thailand | 1 | 1.23 |
| 13 | Tidak sepaham dengan FAMA pasal greding | 1 | 1.23 |
| 14 | FAMA seperti orang tengah | 1 | 1.23 |
| 15 | Tiada menjawab | 6 | 7.41 |
| | Jumlah | 81 | 100.00 |

Mengikut Jadual 15 berbagai-bagai masalah terpaksa dialami oleh responden dalam menjalankan projek Pertanian Kontrak FAMA ini. Susun taraf pertama mengenai masalah yang responden (43.96%) alami adalah harga belian FAMA sentiasa rendah. Mengikut mereka, FAMA seperti memerangkap petani kerana kontrak berlaku setelah pokok berbuah. Oleh itu mereka terpaksa bersetuju dengan FAMA pasal harga. Pada masa berlaku lambakan, mereka juga terpaksa bersetuju dengan harga belian FAMA yang rendah. Keadaan ini boleh timbul kerana di dalam kontrak awal, harga pengambilan tidak dinyatakan.

Susun taraf kedua tentang masalah yang terpaksa responden (10.63%) alami ialah insentif yang diberi kerajaan sangat kecil (7 sen/kg) dan tidak mendapat subsidi minyak. Sedangkan mengikut mereka, nelayan mendapat insentif 20 sen/kg dan memperoleh subsidi minyak. Mereka nampaknya tidak mahu diperlakukan tidak sama seperti yang kerajaan lakukan kepada nelayan. Susun taraf ketiga mengenai masalah yang responden (8.96%) alami adalah tanaman tidak menjadi kerana terkena penyakit. Oleh itu kuantiti dan kualiti hasil ladang responden merosot. Keadaan ini menyebabkan FAMA tidak mahu membeli hasil ladang responden kerana tahap kuantiti dan kualiti hasil ladang mereka tidak mencapai kepada tahap kuantiti dan kualiti yang dikehendaki FAMA.

Permasalahan lainnya yang tidak kalah penting adalah mengenai kos pengeluaran seperti racun, baja dan lain-lain yang meningkat tinggi (7.25%) dalam beberapa tahun ini. Persilangan antara harga belian FAMA yang masih rendah dan kos pengeluaran yang meningkat tinggi menyebabkan pendapatan peserta projek tidak mengalami peningkatan.

Jadual 15. Susun taraf masalah-masalah yang terpaksa responden alami dalam menjalankan projek Pertanian Kontrak FAMA

| Susun taraf | Masalah yang terpaksa responden alami dalam menjalankan projek Pertanian Kontrak | Bilangan | Peratus |
|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1 | Harga belian FAMA rendah, FAMA seperti memerangkap petani, sebab kontrak berlaku bila pokok sudah berbuah dan bila berlaku lambakan terpaksa bersetuju dengan FAMA pasal harga. Di dalam kontrak awal, harga pengambilan tidak dinyatakan | 91 | 43.96 |
| 2 | Insentif yang diberi kerajaan sangat kecil (7 sen/kg) dan tidak mendapat subsidi minyak. Sedangkan nelayan mendapat insentif 20 sen/kg dan memperoleh subsidi minyak | 22 | 10.63 |
| 3 | Tanaman terkena penyakit, maka kuantiti dan kualiti hasil ladang petani terjejas | 18 | 8.96 |
| 4 | Kos pengeluaran (baja, racun dan lain-lain) meningkat tinggi | 15 | 7.25 |
| 5 | Tiada masalah | 12 | 5.80 |
| 6 | Tanaman diceroboh babi hutan, monyet | 10 | 4.83 |
| 7 | FAMA lebih teruk daripada orang tengah, kerana mengambil keuntungan juga, FAMA mengambil keuntungan atas angin kerana menjual hasil ladang responden kepada pemborong yang sama dengan harga lebih rendah daripada harga responden maka pemborong tidak mahu membeli hasil ladang responden | 10 | 4.83 |
| 8 | FAMA tidak membeli semua hasil ladang responden (buah harus masak sempurna, gred A dan B sahaja) | 8 | 3.87 |
| 9 | Persaingan dengan harga buah-buahan dari Thailand | 4 | 1.93 |
| 10 | Tidak menjawab (gagal menyertai projek) | 3 | 1.45 |
| 11 | FAMA tidak akan membeli hasil ladang petani yang bekalan hasil taninya tidak mencukupi | 2 | 0.97 |
| 12 | Teknik perladangan baru banyak masalah: hama, kekurangan air dan lain-lain | 2 | 0.97 |
| 13 | Masalah cuaca (hujan dan banjir) | 2 | 0.97 |
| 14 | Pembayaran FAMA mengalami kelewatan | 2 | 0.97 |
| 15 | Permohonan kredit permodalan daripada petani kepada FAMA tidak berjaya | 2 | 0.97 |
| 16 | Petani merasa dirugikan kerana FAMA kurang memperhatikan aspek kualiti hasil ladang | 1 | 0.48 |
| 17 | Penjagaan tanaman agak rumit | 1 | 0.48 |
| 18 | Minat belia tempatan kurang kepada usaha tani | 1 | 0.48 |
| 19 | Tidak sepaham dengan FAMA pasal greding | 1 | 0.48 |
| | Jumlah | 207 | 100.00 |

Tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan terhadap projek Pertanian Kontrak FAMA
 Mengikut Suryandari dan Amriah (2009), seramai 200 komuniti tani tempatan telah di temuselidik, di mana 100 orang berlokasi di Daerah Langkawi (Kedah) dan 100 orang lainnya berlokasi di Daerah Barat Daya (Pulau Pinang). Semua responden yang di temuselidik pernah mendengar tentang projek Pertanian Kontrak FAMA di mana sumber pengetahuan sebahagian besar responden (38%) tentang projek Pertanian Kontrak adalah dari television. Pengetahuan sebahagian besar responden (76%) adalah bahawa FAMA menjamin pemasaran. Reaksi sebahagian besar responden (59.5%), setelah mengetahui projek Pertanian Kontrak FAMA adalah berminat tetapi mereka tidak menyertai projek tersebut. Alasan utama jika responden berminat tetapi tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA adalah faktor usia dan kesihatan responden (20%). Keadaan ini selari dengan umur sebahagian besar responden yang lebih dari 51 tahun.

Penilaian sebahagian besar responden tentang projek Pertanian Kontrak FAMA adalah sederhana saja (49%). Dari aspek tanaman dan hasilnya, dapat dikatakan bahawa hasil ladang menjadi, tetapi sebahagian besar tidak memenuhi kualiti yang dikehendaki oleh FAMA. Daripada aspek harga belian FAMA dan pendapatan petani dapat dikatakan bahawa harga belian FAMA sentiasa rendah, sedangkan kos penjagaan ladang sangat tinggi. Oleh itu pendapatan petani tidak boleh meningkat. Penilaian sebahagian responden tentang aspek-aspek lainnya seperti sifat/keadaan kerja, pengangkutan dan pemasaran, khidmat dari Jabatan Pertanian dan agensi lainnya adalah sederhana saja.

Rungutan yang mereka dengar daripada peserta projek antara lain adalah syarat-syarat dari FAMA rumit. Keadaan ini dicirikan dengan tahap kualiti dan kuantiti hasil ladang petani yang masih belum mencapai kepada tahap kualiti dan kuantiti yang dikehendaki oleh FAMA. Oleh itu prestasi pengeluaran petani peserta Pertanian Kontrak mengalami kegagalan.

Sebahagian besar responden (65%), merasa tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA. Alasan yang diberikan oleh sebahagian besar responden jika mereka tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA kerana mereka sudah boleh melaksanakan pemasaran sendiri. Alasan responden lainnya adalah bahawa harga belian FAMA lebih rendah dari harga pasaran semasa (Suryandari & Amriah, 2009).

Rumusan dan kesimpulan

Daripadauraian di atas bolehlah dirumuskan bahawa:

1. Sebahagian besar responden (65.70%) menyertai projek Pertanian Kontrak secara aktif. Ertinya mereka selalu menjual hasil ladang kepada FAMA dengan alasan bahawa FAMA menjamin pemasaran dan pembayaran walaupun harga belian FAMA agak rendah berbanding dengan harga pasaran semasa.
2. Sebahagian besar responden (51.21%) merasa tidak/kurang berpuas hati dan gagal menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA. Beberapa alasan yang mereka nyatakan adalah; harga belian FAMA sentiasa rendah, sedangkan harga runcit naik turun mengikut harga pasaran semasa. FAMA juga seperti memerangkap petani kerana kontrak berlaku setelah pokok berbuah. Kos penjagaan ladang juga meningkat tinggi. Keadaan ini semakin menjelaskan petani kerana harga belian FAMA juga sentiasa rendah. Alasan-alasan lainnya ialah; masalah kualiti dan kuantiti hasil ladang yang belum mencapai tahap kuantiti dan kualiti yang dikehendaki oleh FAMA dan kemasukan hasil ladang dari Thailand dengan harga rendah. Ini menyebabkan FAMA membeli hasil ladang responden dengan harga rendah juga.
3. Alasan-alasan yang responden nyatakan apabila mereka merasa kurang/tidak berpuas hati setelah menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA juga merupakan masalah-masalah utama yang mereka hadapi dalam menjalankan projek tersebut iaitu: harga belian FAMA rendah, insentif yang diberi kerajaan sangat kecil dan kos penjagaan ladang meningkat tinggi.
4. Masalah lainnya yang dihadapi petani adalah syarat-syarat dari FAMA rumit mengikut tanggapan mereka. Keadaan ini dicirikan dengan tahap kualiti dan kuantiti hasil ladang petani yang masih belum mencapai kepada tahap kualiti dan kuantiti yang dikehendaki FAMA. Oleh itu prestasi pengeluaran petani peserta Pertanian Kontrak mengalami kegagalan. Keadaan ini pada tahap yang lebih mendalam sebenarnya mencerminkan kegagalan jabatan-jabatan yang bertanggung jawab dalam memperkasakan segmen pengeluaran pertanian di negara ini.
5. Berdasarkan tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan terhadap perlaksanaan projek Pertanian Kontrak FAMA didapati bahawa sebahagian besar dari mereka tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA. Ini mencerminkan bahawa projek tersebut sebenarnya kurang bermakna bagi mereka kerana ianya tidak boleh meningkatkan pendapatan petani peserta Pertanian Kontrak.

Daripada rumusan di atas boleh disimpulkan bahawa projek Pertanian Kontrak FAMA pada umumnya kurang berjaya sebagai satu kaedah untuk memajukan petani kecil Melayu.

Rujukan

- Amriah Buang (2001) *Explaining farmers' wellbeing-An exercise in comparative approaches*. Univision Press, Kuala Lumpur.
- Amriah Buang (2007) *Pertanian kecil Melayu dan kelestariannya*. Penerbit UKM, Bangi.
- Amriah Buang, Suryandari RY (2009) Pertanian Kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu – dapatan awal dari Zon Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding Seminar UNHAS-UKM "SERUMPUN IV"*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 4-5 Julai.
- Dato' Abd. Rahim bin Haji Ahmad (2006) Agricultural cooperatives in Malaysia: Innovations and opportunities in the process of transition towards the 21st century model. Paper presented in the 2006 FFTC-NACF International Seminar on Agricultural Cooperatives in Asia: Innovations and Opportunities in the 21st Century. Seoul, Korea, 11-15 September.
- Harizamrry (2009) Abdullah dan Jeanne berkongsi gembira di kebun [Cited 25 August 2009]. Available at: <http://harizamrry.wordpress.com>.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2008) Projek impak tinggi [Cited 20 December 2008]. Available at: http://www.moa.gov.my/projek_impak_tinggi
- Mohd Ashraf (2009) Program Ladang Kontrak FAMA [Cited 13 May 2009]. Available at: <http://mohdashraf.com/v1/pertanian/program-ladang-kontrak-fama/>.
- Suryandari RY, Amriah Buang (2009) Pertanian Kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu - tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan terhadap program Pertanian Kontrak di Zon Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding Seminar Kebudayaan Indonesia-Malaysia (SKIM XI)*. Universiti Padjajaran Bandung, Indonesia, 10-12 November.
- Utusan Malaysia (2006) 5 projek berimpak tinggi dirangka. 1 Ogos.